

## PEMBANGUNAN KOMUNITI BERTERASKAN WAKAF: MEMAHAMI KONSEP WAKAF DENGAN PRINSIP MAQASID AL-SYARIAH

**Mohd Ramizu Abdullah<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Department of Shariah, Faculty of Contemporary Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic College, 15730, Malaysia.

Corresponding Author: Mohd Ramizu bin Abdullah @ Zakaria. Department of Shariah, Faculty of Contemporary Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic College, 15730, Malaysia. Email: mohdramizu@yahoo.com

### **Abstrak**

Pembangunan komuniti yang berteraskan wakaf adalah satu pendekatan yang mampu menjana satu momentum dalam memperkukuhkan kesejahteraan masyarakat Islam. Dalam konteks ini, wakaf dianggap sebagai medium penting untuk memupuk kelestarian sosio-ekonomi, pendidikan, dan kebajikan umum. Kajian ini bertujuan menzahirkan kesan positif dan potensi pembangunan komuniti yang bersumberkan wakaf, sambil menekankan pentingnya memahami konsep wakaf dengan prinsip maqasid al-Syariah. Selain itu juga bertujuan untuk memberi galakkan kepada masyarakat untuk terus memperkasakan peranan wakaf dalam pembangunan komuniti. Kajian ini menggunakan metod kualitatif yang melibatkan kaedah pengumpulan data. Metod pengumpulan data dalam kajian ini berdasarkan kajian perpustakaan (*library research*). Ini merangkumi sumber-sumber dalam bentuk dalil dari al-Quran, hadis, buku-buku, jurnal, disertasi, prosiding seminar, kertas kerja dan laman web bagi menilai peranan wakaf berdasarkan prinsip maqasid al-Syariah dalam memperkasakan pembangunan komuniti. Hasil kajian menyimpulkan bahawa pembangunan komuniti berteraskan wakaf adalah satu pendekatan yang berpotensi besar dalam mencapai kesejahteraan masyarakat, sambil menegaskan bahawa pemahaman konsep wakaf dengan prinsip maqasid al-Syariah adalah penting untuk memastikan keberkesanan dalam pembangunan komuniti yang berteraskan wakaf.

**Kata kunci :** Pembangunan komuniti, Wakaf, Maqasid Al-Syariah

## **(WAQF-BASED COMMUNITY DEVELOPMENT: UNDERSTANDING THE CONCEPT OF WAQF WITH THE PRINCIPLE OF MAQASID AL-SYARIAH)**

### **Abstract**

*Community development based on wakaf is an approach that can generate momentum in strengthening the well-being of the Muslim community. In this context, wakaf is considered an important medium to foster socio-economic sustainability, education, and general welfare. This study aims to reveal the positive effects and potential of community development that is sourced from wakaf, while emphasizing the importance of understanding the concept of wakaf with the principle of maqasid al-Shariah. In addition, it also aims to encourage the community to continue to empower the role of wakaf in community development. This study uses a qualitative method that involves data collection methods. The data collection method in this study is based on library research. This includes sources in the form of arguments from the Qur'an, hadiths, books, journals, dissertations, seminar proceedings, working papers and websites to evaluate the role of waqf based on the principles of maqasid al-Shariah in empowering community development. The results of the study concluded that community development based on wakaf is an approach with great potential in achieving community well-being, while emphasizing that understanding the concept of wakaf with the principle of maqasid sharia is important to ensure effectiveness in community development based on wakaf.*

**Keywords :** *Community Development, Wakaf, Maqasid Al-Shariah*

Received: July 24, 2024

Accepted: September 13, 2024

Online Published: December 31, 2024

### **1. Pendahuluan**

Pembangunan komuniti merupakan satu usaha penting dalam memperkukuhkan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan. Dalam konteks masyarakat Islam, penggunaan wakaf sebagai medium utama dalam pembangunan komuniti telah mendapat perhatian yang semakin meningkat. Wakaf, atau sumbangan harta untuk kegunaan umum, menjadi semakin penting sebagai instrumen pembangunan yang berkesan. Aset wakaf di Malaysia dianggarkan bernilai lebih RM1.3 trilion, namun belum diterokai sepenuhnya untuk memacu pembangunan sosio ekonomi negara. Pihak Suruhanjaya Sekuriti Malaysia berpendapat bahawa wakaf memiliki potensi besar khususnya dalam menyediakan platform kepada pelaburan yang berasaskan wakaf (Berita Harian, 2023).

Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) di Jabatan Perdana Menteri, menunjukkan bahawa tidak sampai 20 peratus tanah wakaf di negara yang telah dimajukan setakat ini. Statistik ini memberi petunjuk bahawa wakaf belum diterokai sepenuhnya ini sangat berpotensi dalam memangkin pembangunan masyarakat.(Yayasan Wakaf Malaysia, 2022). Beberapa faktor utama yang menyumbang

kepada keadaan ini berkemungkinan berpunca kurangnya kesedaran masyarakat tentang konsep dan kepentingan wakaf, kelemahan dalam pengurusan aset wakaf, dan isu-isu birokrasi serta perundangan yang menghalang keberkesanan pelaksanaan wakaf. Ramai individu dalam masyarakat tidak mempunyai pemahaman yang jelas tentang wakaf dan bagaimana ia boleh digunakan untuk manfaat umum. Kekurangan pendidikan dan kempen kesedaran yang berkesan menyebabkan masyarakat tidak terdorong untuk berwakaf. Tanpa pemahaman yang mendalam, potensi besar wakaf untuk menyumbang kepada pembangunan komuniti tidak dapat direalisasikan sepenuhnya.

Justeru, untuk mengatasi masalah-masalah ini, pemahaman yang lebih mendalam tentang maqasid al-Syariah, iaitu tujuan-tujuan utama syariah dalam memelihara kesejahteraan manusia, adalah amat penting. Dengan menyelaraskan prinsip maqasid al-Syariah dengan pengurusan wakaf, masyarakat dapat memastikan bahawa wakaf memberi manfaat yang maksimum dan memenuhi keperluan asas mereka. Prinsip maqasid al-Syariah seperti pemeliharaan agama, jiwa, akal, harta, dan keturunan harus menjadi asas dalam setiap projek wakaf.

## **2. Metodologi**

Metodologi kajian merupakan pendekatan yang diperlukan untuk menyelesaikan isu kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah pengumpulan data. Pendekatan kualitatif ini bertujuan untuk menilai peranan wakaf berdasarkan prinsip maqasid al-Syariah dalam memperkukuhkan pembangunan komuniti. Oleh itu, kajian ini berbentuk kajian perpustakaan (*library research*), di mana sumber data diperoleh daripada dokumen rasmi, jurnal, kertas kerja, dan laman web. Data yang dikumpulkan akan dianalisis secara teliti sebelum dijadikan asas untuk menerangkan prinsip maqasid al-Syariah serta hubungannya dengan wakaf. Penulis menggunakan metod analisis untuk menilai kualiti dan kesahihan data tersebut.

## **3. Dapatan dan perbincangan**

### *3.1 Definisi dan kedudukan wakaf*

Perkataan "wakaf" berasal daripada bahasa Arab, iaitu *waqafa*. Istilah *waqafa* ini mempunyai pelbagai maksud bergantung pada penggunaannya, seperti berhenti (*as-sakanu*), larangan (*al-man'u*), dan terdinding (*al-habsu*) (Ibn Manzur, 1990). Walau bagaimanapun, kebanyakan fuqaha' lebih cenderung menggunakan makna *al-habsu* (terdinding) untuk menjelaskan konsep wakaf secara zahir, kerana istilah ini sering digunakan oleh Rasulullah s.a.w. (Al-Khatib al-Syarbini, 1997).

Sebagai contoh, Imam Syafi'e dan Hanbali mentakrifkan wakaf sebagai penahanan harta atau sebarang benda bernilai yang dapat dimanfaatkan untuk tujuan yang dibenarkan. Penahanan ini melibatkan syarat bahawa fizikal harta tersebut dikekalkan, dan pewakaf kehilangan hak untuk menggunakan harta tersebut (al-Zuhayli, 2002).

Oleh itu, asas utama dalam konsep wakaf adalah sumbangan harta yang diperuntukkan secara kekal untuk kegunaan umum. Ini bermakna harta tersebut diserahkan

kepada tujuan-tujuan yang diiktiraf oleh undang-undang Islam dan tidak boleh ditarik balik oleh pemberi wakaf atau warisnya. Asas ini menjadikan wakaf sebagai instrumen yang berkekalan dan memberikan manfaat kepada masyarakat pada masa kini dan masa depan.

Allah SWT telah memberikan landasan yang kukuh untuk mendorong amalan wakaf melalui ayat-ayat al-Quran yang menekankan konsep bersedekah sebagai cara mendekatkan diri kepada-Nya (*taqarrub*). Melaksanakan amal kebajikan seperti ini bertujuan untuk meraih ganjaran yang telah dijanjikan oleh Allah SWT. Firman Allah SWT:

مَنْ ذَا الَّذِي يُقرضُ اللهَ قرضًا حسنًا فَيضاعفه له أضعافًا كثيرة ۗ والله يقبض وبيضه ۗ واليه ترجعون

*Siapakah orangnya yang (mahu) memberi pinjaman kepada Allah, sebagai pinjaman yang baik (yang ikhlas) supaya Allah melipat gandakan balasannya dengan berganda-ganda banyaknya? Ingatlah Allah jualah yang menyempit dan meluaskan (pemberian rezeki) dan kepada-Nyalah kamu semua dikembalikan (Surah al-Baqarah 2: 245).*

Allah SWT juga melipat gandakan ganjaran kepada sesiapa yang menginfakkan hartanya di jalan Allah SWT. Firman Allah SWT :

مَثَلُ الَّذِي يُنفِقُونَ أموالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَتَيْتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ ۗ وَاللهُ يُضِعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ ۗ وَاللهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

*Bandangan pahala orang yang menafkahkan hartanya di jalan Allah adalah umpama sebiji benih yang menumbuhkan tujuh tangkai, dan pada tiap-tiap tangkai itu ada seratus biji dan Allah melipatgandakan (ganjaran) bagi sesiapa yang dikehendaki. Dan Allah Maha Luas (Kurnia-Nya) lagi Maha Mengetahui (Surah al-Baqarah 2: 261).*

Justeru, konsep wakaf merujuk kepada amalan menyumbangkan harta atau harta benda lainnya untuk kegunaan umum atau kebajikan masyarakat. Aset yang diwakafkan ini disediakan dan dikelola untuk memberi manfaat jangka panjang kepada masyarakat. Wakaf merupakan satu amalan keagamaan yang penting dalam Islam dan mempunyai sejarah yang panjang dalam menyokong pembangunan sosial dan ekonomi masyarakat. Justeru itu, pengurusan wakaf terletak di bawah bidang kuasa negeri. Setiap negeri pula mempunyai sistem pentadbiran wakaf yang tersendiri yang tertakluk bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) berdasarkan Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri masing-masing. Menurut Seksyen 61 Enakmen MAIK 1994 ada dinyatakan bahawa:

*Walau apapun peruntukan yang berlawanan dengan mana-mana surat cara atau perisytiharaan, Majlis hendaklah menjadi pengawal tunggal kepada semua wakaf, sama ada wakaf am atau khas, semua nazar am dan semua amanah khairat untuk kepentingan Agama Islam dan orang-orang Islam, setakat mana harta itu terletak hak kepadanya atau yang terletak di dalam Negeri Kelantan.*

### 3.2 Rukun dan syarat wakaf

Amalan wakaf mempunyai rukun dan syarat yang perlu dipatahui supaya amalan tersebut sah di sisi Islam. Menurut al-Nawawi rukun wakaf yang mesti dipatuhi ialah :

i. *Waqif* (Orang yang Mewakafkan Harta)

Setiap rukun yang ditetapkan memiliki syarat tertentu sebagai panduan dalam melaksanakan ibadah wakaf yang memberikan ganjaran berlipat kali ganda. Syarat pertama bagi *waqif*, iaitu individu yang menyerahkan harta melalui wakaf, adalah mesti seorang yang merdeka (al-Bajuri, 1990). Wakaf yang dilakukan oleh hamba sahaya tidak sah kecuali dengan izin wali atau tuannya. Syarat kedua, pewakaf mesti berakal sihat, tidak mengalami kegilaan, nyanyuk, atau kelemahan mental (Asy-Syarbini, 977H). Selain itu, pewakaf juga perlu mencapai usia dewasa dan tidak termasuk kanak-kanak yang belum baligh, demi menjaga kemaslahatan dalam pengurusan harta. Akhir sekali, pewakaf mesti bijak dalam menguruskan harta dan kewangan serta tidak bersikap boros.

i. *Mauquf bih* (harta atau benda yang diwakafkan)

Islam mendidik umatnya tentang makna kebajikan. Harta atau benda yang ingin diwakafkan hendaklah memiliki nilai tersendiri supaya dapat dimanfaatkan dan digunakan bersama. Antara syarat harta tersebut adalah ia mesti boleh digunakan, bersifat kekal sama ada dalam bentuk tetap atau bergerak, mempunyai nilai yang jelas sama ada berupa mata wang atau dalam bentuk lain seperti tanah, dan mestilah milik pewakaf itu sendiri. Wakaf tidak sah jika melibatkan harta atau benda yang bukan di bawah pemilikannya.

ii. *Mauquf 'alaih* (pihak yang menerima harta atau benda yang diwakafkan)

Para ulama sepakat bahawa harta wakaf boleh dimanfaatkan untuk tujuan kebajikan, namun terdapat perbezaan pendapat dalam konteks ibadah (Ibnu Qudamah, 1997). Sebagai contoh, Mazhab Hanafi berpendapat bahawa harta wakaf mesti digunakan untuk menegakkan syiar Islam dan ibadah yang berkaitan dengan agama ini sahaja, maka wakaf bagi tujuan ibadah agama lain dianggap tidak sah. Mazhab Maliki pula menetapkan bahawa wakaf sah bergantung kepada niat pewakaf (*waqif*) yang beragama Islam, namun tidak sah jika pewakaf bukan Islam memberikan sumbangan untuk ibadah Muslim seperti pembinaan masjid atau menegakkan syiar Islam. Sebaliknya, Mazhab Syafi'e dan Hanbali menekankan keperluan memakmurkan. Walau bagaimanapun, menurut kedua-dua mazhab ini, wakaf oleh pewakaf Muslim untuk membina gereja adalah tidak sah.

iii. *Sighah* (pernyataan atau ikrar dari *waqif* di atas amalan wakaf tersebut)

*Sighah* merujuk kepada pernyataan persetujuan antara dua pihak dalam sesuatu amalan. Dalam konteks wakaf, *sighah* melibatkan ungkapan secara lisan, tulisan, atau isyarat yang boleh difahami, terutama bagi golongan seperti individu bisu atau pekak, bagi mengelakkan sebarang pertikaian pada masa hadapan. Ungkapan *sighah* wakaf terbahagi kepada dua jenis, iaitu lafaz jelas (*sorih*), yang lazim digunakan dalam pengurusan berkaitan wakaf, dan lafaz kiasan (*kinayah*), yang perlu dirujuk kembali kepada niat asal pelaksanaan ibadah wakaf tersebut.

## 4. Prinsip-prinsip wakaf

Dalam konteks pembangunan ekonomi dan memajukan harta wakaf bagi mencapai hasrat pewakaf, ada beberapa prinsip yang harus diambil kira supaya tidak melanggar peraturan

seterusnya menjamin wakaf yang dilaksanakan itu sah di sisi syarak. Ini boleh dilihat dalam satu hadis Nabi SAW, iaitu :

عن نافع عن ابن عمر قال: أصاب عمر بخيبر أرضا , فأتى النبي صلى الله عليه فقال : أصبت أرضا لم أصب مالا قط  
أنفس منه , فكيف تأمرني به ؟ قال : إن شئت حبست أصلها وتصدقتم بها . فتصدق عمر أنه لا يباع أصلها ولا يوهب ولا  
يورث في الفقراء والقرباء والرقاب وفي سبيل الله والضيوف وابن السبيل , لا جناح على من وليها أن يأكل منها بالمعروف  
أو يطعم صديقا غير متمول فيه .

*Dari Nafi` dari Ibn `Umar beliau menyebut bagaimana Umar r.a. telah memperoleh tanah di bumi Khaibar. Beliau lalu bertanya kepada Rasulullah SAW: “Wahai Rasulullah, saya telah memperoleh tanah di bumi Khaibar yang nilainya tinggi dan tidak pernah saya peroleh yang lebih tinggi nilai daripadanya. Apakah yang tuan nak saya lakukannya? Rasulullah SAW bersabda: “Kalau kamu mahu, bekukan sumbernya dan bersedekah dengannya.” Lalu Umar menyedekahkan tanah tersebut kepada fakir miskin, kaum keluarganya, untuk memerdekakan hamba, para tetamu, dana orang musafir. Tanah tersebut tidak boleh dijual, dihibah atau dijadikan pusaka. Tetapi, ia boleh digunakan dengan cara yang munasabah oleh pihak yang menguruskannya. Contohnya, memakan harta tersebut tanpa menjadikannya sebagai sumber harta. (Sahih al-Bukhari, no hadis : 2737)*

Menerusi hadis di atas para fuqaha` telah menggariskan tiga prinsip utama wakaf yang perlu dipastikan dalam setiap amalan wakaf yang dilakukan, iaitu (al-Syawkani : tt) :

- i. Harta yang diwakafkan adalah tidak boleh dijual
- ii. Harta yang telah diwakafkan tidak boleh dihadiahkan kepada orang lain
- iii. Harta yang telah diwakafkan tidak boleh lagi dijadikan sebagai harta warisan

Justeru itu, dalam konteks pembangunan harta wakaf dalam apa jua perkara yang diharuskan semua prinsip di atas hendaklah diambikira supaya tidak melanggar peraturan yang telah digariskan oleh syarak.

## **5. Pembangunan Komuniti Berteraskan Wakaf**

Pembangunan komuniti merujuk kepada proses meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat melalui pelbagai usaha bersama. Ia melibatkan penyertaan aktif ahli komuniti dalam mengenal pasti keperluan, merancang, melaksanakan, dan menilai tindakan yang membawa manfaat kepada komuniti secara keseluruhan (Ploch,1976).

Matlamat utama pembangunan komuniti adalah untuk memperkasakan masyarakat bagi meningkatkan keupayaan dan kemahiran komuniti untuk menghadapi cabaran. Ia juga bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup dengan cara mengemukakan perubahan positif dalam aspek sosial, ekonomi, dan persekitaran. Selain itu, juga pembangunan komuniti bertujuan menggalakkan semua lapisan masyarakat untuk terlibat tanpa mengira latar belakang. Pendekatan ini biasanya melibatkan pelbagai pihak seperti kerajaan, NGO, institusi pendidikan, dan komuniti itu sendiri. Sebagai contoh, program latihan kemahiran, pembangunan infrastruktur asas, atau inisiatif kebajikan masyarakat (Mohammad Shatar, 2003).

Berdasarkan beberapa definisi pembangunan komuniti yang telah dibincangkan, dapat disimpulkan bahawa pembangunan komuniti adalah usaha gigih daripada semua pihak, terutamanya masyarakat yang terlibat, untuk meningkatkan taraf hidup dan mutu kehidupan mereka. Unsur kerjasama serta pemanfaatan semua sumber yang ada merupakan faktor penting yang menentukan kejayaan dalam usaha memperbaiki kualiti kehidupan masyarakat yang terlibat. Pembangunan komuniti berperanan dalam meningkatkan kualiti sosial dan ekonomi masyarakat. Ia menyediakan kerangka kerja yang jelas untuk mendorong masyarakat yang terlibat bekerjasama, saling membantu, serta berkongsi wawasan dan tanggungjawab demi kebaikan dan kemajuan bersama (Mohammad Shatar, 2003).

Berdasarkan kenyataan di atas, wakaf dilihat sangat signifikan dalam merealisasikan usaha pembangunan komuniti. Ini merangkumi penggunaan harta wakaf untuk pembangunan sosial, ekonomi, dan kebajikan umum masyarakat. Pendekatan ini melibatkan penyediaan aset seperti tanah, bangunan, atau wang tunai untuk pembinaan institusi awam seperti masjid, sekolah, hospital, dan projek-projek pembangunan lainnya. Kelebihan pendekatan ini termasuk pemupukan kelestarian sosio-ekonomi masyarakat, meningkatkan akses kepada perkhidmatan asas, dan menyokong pembangunan ekonomi tempatan.

Pendekatan ini diperkukuhkan oleh prinsip-prinsip Islam yang mendorong amalan sumbangan dan kebajikan sosial. Wakaf bukan sahaja merupakan satu sistem pembiayaan alternatif yang berterusan, tetapi juga satu mekanisme yang memperkukuhkan kestabilan dan keadilan dalam masyarakat. Dengan memberi keutamaan kepada kepentingan umum berbanding kepentingan peribadi, wakaf menyediakan landasan untuk pembangunan yang mampan dan berkekalan. Kelebihan pendekatan ini termasuk pemupukan kelestarian sosio-ekonomi masyarakat, meningkatkan akses kepada perkhidmatan asas seperti pendidikan dan kesihatan, serta menyokong pembangunan ekonomi tempatan. Ini tidak hanya memberi manfaat kepada generasi semasa, tetapi juga merangkumi warisan untuk generasi akan datang.

Pembangunan komuniti berteraskan wakaf juga menekankan pada konsep pembangunan yang berterusan dan bersepadu. Dengan menyediakan aset-aset wakaf untuk kegunaan umum, masyarakat memastikan bahawa keperluan asas seperti perumahan, pendidikan, kesihatan, dan kebajikan sosial terjamin untuk jangka masa panjang. Ini membawa kepada pembangunan masyarakat yang berdaya tahan dan berdikari, serta mengukuhkan hubungan sosial dan kebersamaan di dalam masyarakat.

## **6. Prinsip Maqasid Al-Syariah dalam Konteks Wakaf**

Penerapan prinsip maqasid al-Syariah dalam pengurusan wakaf adalah bertujuan untuk memastikan manfaat yang maksimum kepada masyarakat. Maqasid al-Syariah, yang merujuk kepada tujuan-tujuan utama syariah dalam memelihara kesejahteraan manusia, perlu diselaraskan dengan objektif wakaf. Ini termasuk memastikan keselamatan agama, jiwa, akal, harta, dan keturunan manusia. Dengan menyelaraskan prinsip-prinsip maqasid al-Syariah dengan pengurusan wakaf, masyarakat dapat memastikan bahawa wakaf memberi manfaat kepada mereka.

### 6.1 *Maqasid al-Syariah*

Maqasid al-Syariah merujuk kepada tujuan dan hikmah yang telah ditentukan oleh Allah SWT dalam setiap hukum yang disyariatkan. Ia bertujuan untuk mencapai kebahagiaan individu dan masyarakat keseluruhannya serta menjaga sistem perundangan (al-Zuhaily, 1997). Imam al-Syatibi dalam karyanya al-Muwafaqat Fi Usul al-Shariah, selain menjaga kemaslahatan manusia semasa hidup di dunia, Maqasid al-Syariah juga berperanan dalam melindungi kepentingan mereka selepas kematian (al-Syatibi, 1996). Hal ini menunjukkan bahawa Islam hadir sebagai rahmat bagi seluruh alam, sebagaimana yang dinyatakan dalam firman Allah SWT.:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

*Kami tiada mengutuskan engkau (Ya Muhammad), melainkan menjadi rahmat untuk semesta alam. (Surah al-Anbiya': 107)*

Kemaslahatan yang ingin dipelihara oleh syariat disebalik sesuatu hukum itu terbahagi kepada tiga kepentingan utama iaitu (Al-Syatibi, 1996):

- i. Masalahah asas (*Daruriyyah*) merujuk kepada pemeliharaan lima perkara utama, iaitu agama (*hifz al-Din*), jiwa (*hifz al-Nafs*), akal (*hifz al-'Aql*), keturunan atau kehormatan (*hifz al-Nasl*), dan harta (*hifz al-Mal*). Kelima-lima aspek ini merupakan keperluan asas yang sangat penting untuk kehidupan bermasyarakat. Kegagalan memenuhi salah satu daripadanya akan menjadikan kehidupan manusia kehilangan makna. Sebarang tindakan atau perkara yang melanggar dan merosakkan keperluan asas ini dianggap sebagai mafsadah atau kerosakan.
- ii. Masalahah yang diperlukan (*Hajiyyah*) melibatkan perkara-perkara yang diperlukan oleh manusia untuk memudahkan dan meringankan urusan kehidupan. Walaupun keperluan ini tidak tergolong dalam kategori asas yang boleh membawa kepada kehancuran kehidupan jika tiada, ia tetap penting untuk mengelakkan kesulitan dan kesukaran dalam kehidupan bermasyarakat.
- iii. Masalahah yang diperlukan untuk menjaga kehormatan hidup manusia (*Tahsiniyyah*) yang melibatkan penyempurnaan berkaitan dengan penjagaan kehormatan hidup manusia, termasuk aspek kemuliaan akhlak dan adat yang baik. Elemen-elemen ini diperlukan untuk memastikan kelancaran dan kesempurnaan kehidupan manusia dalam masyarakat.

### 6.2 *Maqasid al-Syariah dan Kaitannya Dengan Wakaf*

Berdasarkan pelbagai dalil daripada nas Syarak, jelas menunjukkan bahawa wakaf merupakan amalan yang disyariatkan. Nas-nas ini menggalakkan umat Islam untuk memberikan infaq dan bantuan bagi memenuhi keperluan golongan yang kurang bernasib baik serta membelanjakan harta untuk kepentingan umum. Dalam Islam, wakaf mempunyai kedudukan yang setara dengan zakat kerana kedua-duanya berfungsi memindahkan sebahagian kekayaan masyarakat kepada mereka yang memerlukan. Namun, perbezaan utama antara zakat dan wakaf ialah zakat merupakan kewajipan, dan sumbangannya bersifat sementara kerana ia akan habis digunakan, manakala wakaf lebih bersifat kekal.

Wakaf, khususnya dalam bentuk produktif, menggabungkan elemen simpanan tetap dan pelaburan. Aset wakaf bersifat kekal dan boleh dimanfaatkan melalui pelaburan dalam pelbagai bentuk untuk memberikan manfaat pada masa hadapan. Dalam Islam, membelanjakan harta dan membantu golongan yang lemah serta memerlukan adalah satu kewajipan. Prinsip ini berlandaskan konsep bahawa setiap anggota masyarakat bertanggungjawab untuk saling menolong dan menyokong mereka yang memerlukan bantuan.

Oleh itu, untuk memahami maqasid atau tujuan disyariatkannya wakaf, kita perlu merujuk kepada definisinya. Wakaf termasuk dalam kategori akad tabarru'. Amalan ini tidak dikenali oleh masyarakat Jahiliah, sehingga Rasulullah SAW memperkenalkannya kerana memiliki keunikan yang tidak terdapat dalam bentuk sedekah lain. Hal ini kerana seseorang mungkin ingin membelanjakan hartanya yang banyak di jalan Allah SWT hingga habis, sedangkan masih terdapat golongan yang memerlukan dan bahkan ada yang tidak menerima manfaat langsung (Al-Dahlawi, Hujjutullah al-Baligah).

## **7. Amalan Wakaf Dan Pencapaian Maqasid**

Amalan wakaf pada zahirnya ternyata boleh dikategorikan dalam konsep penjagaan harta, yang merupakan salah satu daripada keperluan dharuriyyat. Syeikh Muhammad Abu Zahrah dalam Muaharat fi al-Waqf pernah menyatakan bahawa amalan wakaf tidak hanya terhad kepada pembinaan masjid, tetapi juga meliputi pelbagai bentuk amalan yang berkaitan dengan sedekah, seperti mewakafkan tanah, membina hospital, dan menyediakan tempat tinggal untuk anak yatim serta fakir miskin. Ini dapat membantu dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat.

Justeru, jika diperhalusi wakaf ini boleh memenuhi keperluan maqasid dharuriyyat yang dibahagikan kepada lima iaitu dari sudut *Hifz al-Din* (Pemeliharaan Agama). Wakaf dapat menyokong pembangunan institusi agama seperti masjid, madrasah, dan pusat keagamaan lainnya. Ini memastikan kelestarian agama dalam masyarakat serta memenuhi keperluan rohani masyarakat. Sebagai contoh aktiviti dan peranan yang dilaksanakan oleh Waqaf an-Nur. Waqaf An-Nur adalah sebuah syarikat berhad dengan jaminan tanpa syer yang dilantik sebagai Nazir Khas oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor. Syarikat ini ditubuhkan untuk menguruskan aset atau saham yang diwakafkan oleh Johor Corporation. Beroperasi berdasarkan maqasid al-Syariah, Waqaf An-Nur kini lebih inklusif dengan memberikan peluang kepada orang ramai untuk berwakaf melalui program-program yang ditawarkan (WANCorp, 2023). Ini terbukti JCorp telah membina dan menguruskan enam (6) buah masjid dalam kawasan pembangunannya di sekitar Johor Bahru dan Pasir Gudang melalui Waqaf An-Nur.

Waqaf An-Nur juga telah diberikan tanggungjawab untuk membina dan mengurus masjid yang ketujuh dalam Rangkaian Masjid An-Nur, iaitu Masjid Bandar Tiram, dengan kos keseluruhan pembinaan sebanyak RM12 juta. Masjid ini sedang dibina di atas tapak seluas 1.96 ekar dan dijadualkan siap sepenuhnya menjelang tahun 2024, dengan kapasiti untuk menampung hamper 2000 jemaah pada satu masa. Masjid Bandar Tiram, yang mengambil inspirasi daripada reka bentuk Masjid Sultan Abu Bakar di Johor Bahru, juga

menerima sumbangan dana daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) di Jabatan Perdana Menteri, serta syarikat-syarikat dalam kumpulan JCorp seperti Kulim (Malaysia) Berhad dan Johor Land Berhad, di samping dana yang dikumpulkan oleh Jawatankuasa Penduduk Bandar Tiram, masyarakat setempat, dan kariah.

Wakaf secara tidak langsung juga dapat memenuhi keperluan maqasid dari sudut Hifz al-Nafs (Pemeliharaan Jiwa): Projek-projek wakaf yang menyediakan perkhidmatan kesihatan seperti hospital, klinik, atau kemudahan penjagaan kesihatan mental membantu memelihara kesihatan dan kesejahteraan fizikal dan mental masyarakat. Sebagai contohnya, Johor Corporation (JCorp) menerusi Masjid An-Nur Kotaraya di Bandaraya Johor Bahru dengan kerjasama Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) telah menyediakan pusat kesihatan berasaskan wakaf dengan penubuhan Klinik Waqaf An-Nur. Setakat 2021 terdapat 24 buah KWAN di seluruh Malaysia termasuk Klinik Bergerak (WANCorp, 2021). Oleh kerana penjagaan kesihatan terus menjadi fokus di dalam agihan manfaat, maka Waqaf An-Nur telah menambah operasi 2 buah Klinik Bergerak Waqaf An-Nur iaitu di Sabah dan Pahang. Usaha ini telah mendapat kerjasama Majlis Ugama Islam Negeri Sabah (MUIS), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Waqaf Felda. Penambahan klinik bergerak ini membolehkan lebih ramai masyarakat dapat disantuni terutama di kawasan pedalaman. (WANCorp, 2023)

Selain daripada itu, wakaf dilihat boleh memenuhi prinsip-prinsip maqasid yang lain seperti pemeliharaan harta (Hifz al-Mal), akal (Hifz al-‘Aql) dan keturunan (Hifz al-Nasl). Dengan menyelaraskan prinsip-prinsip maqasid al-Syariah dengan pengurusan wakaf, masyarakat dapat memastikan bahawa wakaf memberi manfaat yang sebesar-besarnya kepada masyarakat sambil memenuhi keperluan asas mereka. Ini juga menegaskan bahawa wakaf bukan hanya merupakan aset material, tetapi juga instrumen untuk mencapai objektif-objektif moral dan sosial dalam Islam

Pihak JAWHAR-MAIN telah menyenaraikan beberapa langkah pelaksanaan ke atas tanah wakaf yang menggunakan dana kerajaan persekutuan. Projek pelaksanaan tanah wakaf ini di bahagikan kepada 5 kategori iaitu kebajikan, kesihatan, ekonomi, perumahan dan pendidikan. Antara projek pembangunan yang diusahakan dalam kategori ekonomi (hifz al-Mal) adalah Puteri Bay Hotel, Hotel Grand Puteri, Kuala Terengganu, Terengganu, Hotel Klana Beach Resort dan Baitul Hilal, Port Dickson, Negeri Sembilan dan Pembelian Peralatan Kompleks Islam Kuching, di Sarawak (JAWHAR, 2024).

Menurut Jabatan Wakaf Zakat dan Haji, projek pembangunan di atas tanah wakaf yang menggunakan Dana Kerajaan Persekutuan dalam RMK ke 9, 10, 11 dan 12, juga melibatkan projek di bawah kategori untuk pemeliharaan aqal antaranya, membangunkan Kompleks Pendidikan Maahad Al-Mashoor Al-Islami, Pulau Pinang, Asrama Pelajar Besut, Terengganu dan Pusat Saudara Baru, Seremban, Negeri Sembilan (JAWHAR, 2024).

Selain itu, amalan berwakaf dalam kategori membangunkan bidang pendidikan terbukti dapat dilaksanakan seperti apa yang telah dibuat oleh Yayasan Wakaf Malaysia menerusi kutipan Wakaf Tunai Malaysia yang diterima daripada pelbagai sumber, dimana sebanyak RM5.9 juta daripada dana tersebut telah berjaya diagihkan untuk pelbagai projek wakaf di seluruh negara. Selain produk wakaf yang telah ada, YWM juga telah bekerjasama

dengan Wakaf Pulau Pinang bagi membangunkan Wakaf Makmal Bahasa Digital Bergerak (Yayasan Wakaf Malaysia, 2022).

Projek Wakaf Makmal Bahasa Digital ini dengan menggunakan dana wakaf untuk membeli lori atau trak. Lori atau trak tersebut akan dibaik pulih untuk dijadikan makmal bahasa yang lengkap dengan sistem teknologi dan digital, yang bertujuan untuk memberikan manfaat khususnya kepada para pelajar dan guru-guru. Projek ini dianggarkan menelan kos sebanyak RM300,000.00 dan turut mendapat sokongan daripada Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (Yayasan Wakaf Malaysia, 2022).

## 8. Kesimpulan

Dalam kesimpulannya, pembangunan komuniti berteraskan wakaf adalah satu pendekatan yang berpotensi besar dalam mencapai kesejahteraan masyarakat Islam. Dengan menggunakan wakaf sebagai alat utama, masyarakat dapat memperkuatkan institusi-institusi awam, meningkatkan akses kepada perkhidmatan asas, dan menyokong pembangunan ekonomi tempatan. Namun, untuk mencapai kejayaan dalam pelaksanaan pendekatan ini, pentingnya pemahaman yang mendalam tentang konsep wakaf dengan prinsip maqasid al-Syariah tidak boleh diabaikan. Melalui penyelarasan yang tepat antara prinsip-prinsip maqasid al-Syariah dan objektif wakaf, masyarakat dapat memastikan bahawa wakaf memberi manfaat yang sebesar-besarnya kepada masyarakat sambil memenuhi keperluan asas mereka.

Sebagai kesimpulannya, pembangunan komuniti berteraskan wakaf adalah satu pendekatan yang menjanjikan dalam mencapai kesejahteraan masyarakat Islam. Dengan memanfaatkan konsep wakaf dengan prinsip maqasid al-Syariah, masyarakat dapat memperkukuhkan institusi-institusi awam, meningkatkan akses kepada perkhidmatan asas, dan menyokong pembangunan ekonomi tempatan. Ini tidak hanya memberi manfaat kepada masyarakat semasa, tetapi juga merangkumi warisan untuk generasi akan datang.

## RUJUKAN

- Ahmad Ibrahim” et.al. (ed ),` Al-Ahkam Jilid 6 Undang-Undang Keluarga dan Pentadbiran Wakaf “ Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h 163-164
- Al-Asqalani, Ibn Hajar (1988), Fath al-Bari bi syarh Sahih al-Bukhari, juz 5, al- Qaherah : Dar al-Rayyan lilturath.
- Al-Bajuri, Ibrahim bin Muhammad (1990). Hasyiah al-Bajuri 'ala Syarh Ibn Qasim. jilid 3, hlm 152. Beirut: Dar al-Fikr,
- Al-Nawawi, Abu Zakaria Yahya bin Syarf (1994), Sahih Muslim bi Syarh al-Nawawi, jilid 11 Beirut: Dar al-Ma`rifah.
- Al-Syatibi (1996), Abu Ishaq, al-Muwafaqat Fi Usul al-Syariah, Jilid. 1, hlm. 351. Dar-al-Ma`rifah, Beirut, ,
- Al-Syawkani, Muhammad bin `Ali, (t.t.), Nayl al-Awtar, jilid. 6. hlm. 24-29. Qaherah: Maktabah wa Matba`ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladihi,
- al-Zuhayli, Wahbah (1989), al-Fiqh al-Islami wa Adilatuh, juz 8, Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhayli, Wahbah (1997), Nazariyah al-Dhorurah al-Syari`yyah Muqaranah maa' al-

- Qanun al-Wadhi', hlm. 48, Dar al-Fikr, Damsyik.
- Ibn Manzur, Muhammad Ibn. Mukarram ( 1990), Lisan al-Arab, juz 9, Beirut, Dar al-Fikr.
- Ibn Qudamah. (1997). Al-Mughni, Jilid 6, hlm 185. Dar 'Alam al-Kutub, Riyadh, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji.<https://www.jawhar.gov.my/wakaf/projek-wakaf/>
- Khatib al-Syirbini al- (1997), Mughni al-Muhtaj. jilid. 2 hlm. 485. Beirut: Dar al- Ma'rifah.
- Mahmud Saedon Awang Othman ( 1998 ),” Peranan Wakaf Di Dalam Pembangunan Ummah
- Mohammad Shatar Sabran (2003), “Model Pembangunan Komuniti”, *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* 11(2): 135-145
- Mohd Zaky Zainuddin ( Julai 20, 2023), Aset Wakaf di Malaysia dianggar lebih RM 13 trilion, *Berita Harian Online.* <https://www.bharian.com.my>
- Mustafa al-Khin et.al. (2009),*al-Fiqh al-Manhaji*, jilid 3, hlm 284-287. terjemahan Darul al-Syakir, Bangi : Darul al-Syakir,
- Sayyid Sabiq (1987) *Fiqh al-Sunnah*, juz 3, Beirut, : Dar al-Kitab Arab.
- Siti Umairah Ali Hamdan, Siti Mashitoh Mahamood (2016). “Aplikasi Prinsip Berkekalan Wakaf Di Institusi Pengajian Tinggi Terpilih : Perspektif Perundangan”, *Journal of Shariah Journal of Shariah Law Research* , vol. 1 (2) 229-250
- Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp), Laporan Tahunan 2021, Hospital dan Klinik Waqaf,-Laporan dan Sumbangan WANCorp, h. 61
- Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp), Laporan Tahunan 2022, Hospital dan klinik Waqaf,-Laporan dan Sumbangan WANCorp, h. 55.
- Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp), Laporan Tahunan 2023, Hospital dan klinik Waqaf,-Laporan dan Sumbangan WANCorp, h. 86.
- Yayasan Waqaf Malaysia, Laporan Tahunan YWM 2022